

SURAT BERITA – EDISI 16

MEI 2024

Dalam surat berita edisi ini, kami gembira untuk berkongsi perkembangan terkini tentang e-baucar digital baharu kami. Kami juga menyoroti dapatan daripada penyelidikan yang kami lakukan dan cerapan yang kami kumpulkan daripada perjumpaan SLP yang terkini. Kami harap dengan maklumat ini, para responden akan lebih menghargai penyertaan mereka, serta kesan penyertaan ini terhadap penyelidikan dan dasar. Akhir sekali, kami paparkan acara informatif yang dihadiri oleh pasukan kami, bagi meningkatkan pemahaman tentang proses penuaan.

e-Baucar Digital

Dalam bulan Mac 2024, kami telah memperkenalkan pilihan kepada responden kami untuk menerima baucar digital melalui telefon mudah alih, dan 70% daripada responden telah memilih untuk beralih kepada e-baucar mulai April 2024. E-baucar ini diserahkan melalui pelantar RedeemSG dan boleh digunakan di 7 rangkaian pasar raya di seluruh Singapura.

- Cold Storage
- Giant Singapore
- Hao Mart
- NTUC Fairprice
- Prime Supermarket
- Sheng Siong
- U Stars



Semua kaunter juruwang yang mempunyai tanda '**REDEEMSG REWARDS**' akan menerima baucar RedeemSG.

Kami faham mungkin ada responden yang memerlukan bantuan untuk beralih kepada e-baucar. Oleh itu, panduan pengguna telah dimuat naik pada laman slp.smu.edu.sg untuk rujukan anda.

Should you require any assistance, please contact us from 10.00 a.m to 5.00 p.m, Mondays to Fridays, excluding public holidays.

6808 7910
8037 9516
slp@smu.edu.sg

User Guides

Home User Guides About Us FAQ Contact Us

Bagi responden yang lebih suka menggunakan baucar fizikal, kami tetap akan menyediakan baucar NTUC fizikal sama seperti yang biasa diterima responden selama ini. Bagi mereka yang memilih e-baucar, sila nyatakan dalam tinjauan pada hujung bulan ini untuk menerima e-baucar mulai Jun 2024.

Perjumpaan SLP

Dalam perjumpaan SLP yang terkini, kami telah membincangkan kebimbangan tentang kos sara hidup dan cara memberi sokongan kepada penuaan di tempat di Singapura. Kos yang semakin meningkat menyebabkan para ahli SLP bimbang akan kenaikan kos penjagaan kesihatan, dan mereka berpendapat bantuan dan subsidi kerajaan tidak mencukupi.

Mengenai topik penuaan di tempat pula, para ahli SLP mengalu-alukan usaha untuk membolehkan warga emas melalui penuaan di tempat, tetapi ada yang menyuarkan kebimbangan berkenaan kemampuan menanggung kos dan kesukaran mengekalkan perhubungan sosial seiring peningkatan usia mereka. Para ahli SLP mencadangkan agar lebih banyak usaha dilakukan untuk meningkatkan ketercapaian kemudahan bagi memberi sokongan yang lebih baik kepada penuaan di tempat.

Kami menghargai peluang bermakna dapat beramah mesra bersama para ahli SLP dan berterima kasih kerana anda meluangkan masa untuk hadir dan berkongsi pandangan bersama kami!



Ahli-ahli SLP yang menyertai sesi perjumpaan bulan Mac

Petikan Penyelidikan

Penemuan penyebab penentu pemencilan sosial

Dalam kajian kami yang terkini, kami menggunakan teknik pembelajaran mesin untuk meneroka kemungkinan penyebab pemencilan sosial dalam kalangan warga emas. Model kami memberikan gambaran bahawa warga emas yang mempunyai matlamat hidup yang utuh kurang berkemungkinan mempunyai perasaan terpencil secara sosial. Dua faktor yang boleh membantu warga emas mengekalkan perasaan mempunyai matlamat hidup ialah (i) perasaan dapat membantu orang lain; dan (ii) perasaan berada dalam kesihatan yang baik. Hal ini menunjukkan usaha memupuk perasaan dapat membantu orang lain dalam kalangan warga emas melalui pelbagai program seperti peluang menjadi sukarelawan, dan seterusnya menyelaraskan program ini dengan kempen kesihatan boleh membantu warga emas merasai hubungan sosial yang lebih erat.

Memahami Proses Penuaan melalui Pembelajaran berdasarkan Pengalaman

Dalam bulan Mac 2024, kami telah melibatkan diri dalam pengalaman pembelajaran yang unik, yang telah dianjurkan oleh Lions Befrienders bagi mendapatkan pemahaman lebih mendalam tentang proses penuaan serta kesannya terhadap kesihatan fizikal, emosi dan mental.

Pengalaman amali ini melibatkan penggunaan suit GERT, iaitu sejenis alat khas yang dapat meniru dan menyerupai kekurangan penglihatan, pendengaran dan pergerakan yang biasa dialami oleh warga emas apabila mereka semakin meningkat usia. Simulasi terperinci ini membolehkan kami mengalami sendiri cabaran fizikal dan emosi yang mungkin dihadapi oleh warga emas setiap hari disebabkan masalah-masalah di atas. Pengalaman yang memberi kesedaran ini telah meluaskan lagi sudut pandang kami tentang penuaan, dan dapat memperkayakan usaha kerja kami, seterusnya membolehkan kami menyesuaikan usaha kami dengan keperluan warga tua mengikut konteks yang sepatutnya dengan lebih baik.



Ahli ROSA yang paling muda mencuba suit GERT yang lengkap!

Kenneth Choo



Kenneth ialah seorang Pembantu Penyelidikan di ROSA. Beliau merupakan seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Sosial, dengan pengkhususan dalam bidang Geografi daripada Universiti Nasional Singapura. Kenneth berminat dengan penyelidikan Sains Sosial, termasuklah hal yang berkaitan dengan kesan pembangunan baharu dan faktor sosio-ekonomi terhadap kehidupan dan kesejahteraan masyarakat. Hingga kini, beliau telah mengarang bersama ringkasan penyelidikan tentang faktor-faktor penyebab yang memberi kesan kepada pemencilan sosial ("A Causal Discovery Exploration of Determinants of Social Isolation") dan sedang dalam proses menghasilkan lebih banyak penerbitan penyelidikan untuk ROSA. Beliau mahir menggunakan perisian seperti TETRAD untuk penemuan penyebab, dan berharap agar dapat menggunakan kemahiran dan kepakarannya untuk menyingkap penemuan baharu serta mendalaminya usaha penyelidikan ROSA.

Perihal Panel Kehidupan Singapura

Sebagai ahli Panel Kehidupan Singapura, anda merupakan sebahagian daripada kumpulan yang terdiri daripada lebih daripada 10,000 orang responden yang menyumbang kepada kefahaman kami terhadap penuaan yang berjaya di Singapura. Kira-kira 80% ahli menyertai SLP pada tahun 2015 dan 20% lagi antara 2021-2023. Kami ucapkan terima kasih kepada anda kerana sentiasa mengambil bahagian dalam tinjauan kami dan berkongsi pendapat anda.

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk melengkapkan tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (**10 pagi hingga 5 petang**, Isnin hingga Jumaat) atau di slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa bersedia mendengar pendapat anda.